

# MUS KEBEBERKUTAN

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Perlu setimpal gaji

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Kakitangan kerajaan mestilah bekerja selaras dengan wang dan kemudahan yang mereka terima, tegas Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini.

Pekerja juga harus menerima hakikat akan kesukaran kerajaan memenuhi tuntutan mereka pada masa ini akibat kemeseletan ekonomi.

Datuk Musa berkata, setiap pelaburan yang dilakukan oleh kerajaan menyedak gaji dan kemudahan yang lebih baik hendaklah dibalas dengan produktiviti yang tinggi.

"Kita mahu setiap ringgit yang dibayar kepada pekerja akan dapat menghasilkan semula yang setimpal," katanya ketika merasmikan Konvensyen Dua Tahun Sekali Majlis Seraman Kebangsaan bagi seluruh kakitangan kerajaan termasuk Sabah dan Sarawak di sini.

Datuk Musa menarik perhatian bahawa sektor awam di negara ini lebih istimewa dibandingkan dengan sektor awam di kebanyakan negara termasuk negara-negara maju sendiri.

Bellau berkata, pekerja di negara ini harus menerima kenyataan bahawa kemeseletan ekonomi dunia benar-benar mewujudkan satu keadaan yang sukar.

### Cabaran

"Kita tidak boleh lari dari kenyataan bahawa dalam sejarah negara sejak mencapai kemerdekaan, tidak pernah menghadapi cabaran ekonomi sebagaimana sekarang," ujarnya.

"Keadaan ini boleh digunakan oleh berbagai pihak sama ada secara positif ataupun negatif," kata Datuk Musa lagi.

Pemangku Perdana Menteri berkata, ada pihak akan cuba menggunakan kemeseletan itu untuk mewujudkan huru-hara, membangkitkan kemarahan dan tidak pons hati serta cuba menggulingkan kerajaan sebagaimana yang cuba dilakukan oleh Parti Komunis Malaya yang diharamkan dan

golongan anti nasional.

Katanya, kerajaan sedar ada pihak-pihak tertentu yang menuduh kerajaan menggunakan isu kemeseletan sebagai satu helah kerana tidak dapat melayan kehendak pekerja.

Bagaimanapun, Datuk Musa bersyukur kerana kakitangan kerajaan telah menerima hakikat bahawa memang wujud satu keadaan ekonomi yang sukar kini dihadapi oleh kerajaan.

Datuk Musa berkata, bagi tahun depan perbelanjaan pengurusan sektor awam dijangka berjumlah \$17.5 bilion, kebanyakannya dalam bentuk gaji dan elaun bagi pekerja-pekerja. Katanya, perbelanjaan pembangunan dijangka kurang dari jumlah tersebut.

Pemangku Perdana Menteri menjelaskan, meskipun sebahagian orang menyatakan bahawa gaji dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan adalah rendah dibandingkan dengan pekerja swasta dan negara-negara lain, tetapi Malaysia tidak mampu mengikut sistem barat di mana buruh dibayar begitu tinggi seperti pegawai meskipun dengan waktu bekerja yang kurang.

Katanya, kemeseletan ekonomi sekarang diwujudkan oleh konsep 'sama rata sama rasa' untuk pekerja buruh dan pegawai di negara-negara barat.

Di samping itu, sistem barat memperjuangkan "kurang masa kerja, lebih masa rehat," menyebabkan kekurangan labap daya pengeluaran sehingga melahirkan kemeseletan ekonomi di negara mereka dan seterusnya melimpah ke negara-negara lain.

### Meleset

Bellau berkata, kerajaan sedang berusaha mengurangkan kesan kemeseletan melalui beberapa tindakan segera di samping berharap rakyat sendiri akan bertungkus lumus meningkatkan daya pengeluaran selaras dengan bayaran yang diterima.

Datuk Musa juga memuji Kongres Keatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) kerana mengamalkan sikap berkecuali.